

Sawah2 tidak ekonomik akan dijadikan 'estet padi' secara bersepadu

UM 21 SEP 1982

PULAU PINANG 20 September - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu hari ini, kerajaan akan menyatukan sawah-sawah yang tidak ekonomik diusahakan secara bersendirian oleh para petani menjadi satu 'Estet Padi' yang diusahakan secara bersepadu.

Perdana Menteri berkata langkah ini yang akan menjadikan tanaman padi seperti sebuah perusahaan adalah untuk meningkatkan pendapatan para petani dan mengurangkan tenaga kerja dalam bidang ini.

Ini katanya, kerana walau apa pun usaha yang dijalankan penanaman padi di atas tanah-tanah sawah yang luasnya sekangkang kera tidak boleh menguntungkan langsung.

Datuk Sri Dr. Maha-

thir memberitahu demikian dalam ucapannya di perjumpaan dengan para petani dan penduduk Balik Pulau di Sekolah Menengah Seri di situ.

Beliau yang dalam lawatan sehari suntuk ke Daerah Balik Pulau sebelum itu telah melawat projek pemulihan tanah sawah terbiar di Sungai Burung tidak jauh dari situ.

Perdana Menteri menghuraikan, di bawah langkah ini petak-petak sawah kecil di sesuatu kawasan akan disatukan dan diusahakan oleh sebuah badan khas.

Badan ini, katanya, bukan sahaja mempunyai seorang pengurus bergaji malah mempunyai peralatan yang cukup untuk mengusahakan sawah padi berkenaan secara moden dan menguntungkan.

Dengan cara ini, tambah beliau, sawah-sawah padi seumpama itu dapat diusahakan oleh sedikit mungkin tenaga kerja yang bergaji.

Bagi para pemilik tanah-tanah sawah yang diusahakan itu mereka akan diberi saham dalam syarikat yang mengendalikannya itu.

Keuntungan dari pendapatan hasil tanaman padi itu akan dibahagikan mengikut saham yang berdasarkan keluasan tanah mereka. Jadi segalanya akan diuruskan seperti kita uruskan sebuah estet getah juga, katanya.

Menurut Perdana Menteri, mengikut keadaan sekarang, mereka yang mempunyai tanah sawah misalnya setengah ekar atau lebih bukan sahaja tidak mendapat untung malah tidak

mampu membeli jentera-jentera untuk mengusahakannya.

Bukan setakat itu sahaja, katanya, malah sekarang ini terdapat terlalu ramai para petani yang mengusahakan sawah sedangkan ia bukan menguntungkan sangat.

Beliau memberitahu jika sawah-sawah itu diusahakan secara bersepadu, para petani bukan sahaja akan mendapat faedah dari tanah mereka malah boleh mencari nafkah melalui sumber-sumber lain.

Misalnya, kata Perdana Menteri, di Balik Pulau mereka boleh menternak ikan, membuat perusahaan-perusahaan kecil, bekerja di kilang dan sebagainya.

Projek pemulihan tanah sawah terbiar di Sungai Burung yang ditaja oleh Jabatan Perdana Menteri keseluruhannya melibatkan kawasan tanah sawah seluas 500 ekar.

Projek itu, yang telah dilaksanakan pada awal tahun ini, adalah atas arahan Perdana Menteri sendiri.

Kawasan tanah berkenaan yang telah terbiar sejak hampir 10 tahun lalu sebelum itu hanya boleh mengeluarkan padi lebih kurang 100 gantang pada setiap ekar.

Adalah difahamkan

bahawa selepas tanah itu dipulihkan ia telah berjaya mengeluarkan lebih kurang 800 gantang bagi setiap ekar.

Terdahulu dari itu ketika berucap di hadapan lebih kurang 4,000 orang di Sekolah Seri Balik Pulau. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para petani Melayu supaya jangan menganggap pemberian berbagai subsidi oleh kerajaan sebagai satu 'sogokan' selamalamanya untuk meringankan bebanan mereka tanpa mahu bekerja keras kerana terlalu mengharapkannya sahaja.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, subsidi-subsidi itu adalah berupa satu langkah sementara untuk melengkapkan diri mereka yang perlu diiringi dengan usaha mereka sendiri bagi menjayakannya.

Beliau menegaskan, jika mereka bersikap terlalu berorientasikan subsidi dari kerajaan tanpa mahu bekerja keras ia kelak akan menimbulkan implikasi yang melemahkan masyarakat Melayu sendiri.

Jadi kita selalu akan bertanya apa ada lagi yang kerajaan nak bagi. Mahu subsidi sua tangan, mahu baja sua tangan itu saja yang kita tahu".

Beliau lalu bertanya, "apakah bangsa Melayu ini bangsa yang meminta-minta sahaja dan di manakah duduk maruah bangsa Melayu."

Sambil berharap agar mereka mengikis sikap yang negatif ini beliau mensifatkan orang yang selalu ditolong itu sebagai orang yang lemah.